


# SUNGAI ACEH

(SIRI III)



Air batu dan aiskrim ialah antara barangan eksotik yang boleh dibeli pada masa itu – walaupun cukup langka.

OLEH MUHAMMAD HAJI SALLEH  
(SASTERAWAN NEGARA)

**W**aktu memudarkan ingatan. Saya kurang ingat lagi ketika berusia berapa tahun saya mula berpuasa. Mungkin sewaktu berumur enam atau tujuh tahun, saya sudah digalakkan untuk belajar memulakan puasa. Ayah tidak keras atau mendesak, ibu juga begitu, nenek banyak memberikan galakkan. Oleh hal yang demikian, saya mula berpuasa separuh hari, namun mendapat pujian sepanjang hari. Ada juga janji memberi hidangan khusus untuk saya yang sudah selesai berlapar separuh hari.

Sementara itu, sebagai anak tertua dalam keluarga, saya diberikan banyak tugas ketika bulan Ramadan. Saya ditugaskan membeli barangan di kedai yang tiada dijual di kedai kami. Tugas saya seperti membeli kuih dan air batu. Oleh sebab kami juga mempunyai kedai barangan runcit, maka air batu tidak susah

untuk didapatkan - hanya di jual di kedai yang berhadapan dengan kedai runcit milik ayah kami. Ada sihir pada warna dan bentuknya. Jernih hingga ke dalam, dan menyejuk, serta paling berkesan dan memberikan kenikmatan ketika menikmatinya pada bulan kering, iaitu bulan Ramadan. Tiada sepertinya yang pernah kami kenal, yang mulanya beku dan keras, kemudian semakin mencair dalam udara petang. Saya akan mengulumnya selama mungkin - kerana inilah hablur rasa. Hanya, sayangnya semuanya agak sementara. Air batu akan mencair, dan bentuknya pun menghakis dan akhirnya meleleh menjadi air biasa. Air batu dan aiskrim ialah antara barangan eksotik yang boleh dibeli pada masa itu - walaupun cukup langka.

Kebiasaannya, pada pukul 5.00 petang, sudah ramai yang menunggu penjualnya. Air batu dijual dalam bentuk ketul - 5 sen sebutir, dan 10 sen untuk yang dua kali lebih besar.

Untuk keluarga kecil, ketulan 5 sen sudah mencukupi.

Air batu ialah sesuatu yang masih langka di Sungai Aceh pada akhir tahun 1940-an dan awal tahun 1950-an. Namun begitu, syukurlah kampung kami hanya kira-kira empat kilometer jaraknya dari kilang air batu di Tanjung Berembang. Apabila saya menaiki bas ke Nibong Tebal, maka saya boleh melihatnya, sebuah bangunan berpagar tinggi, berdentum dan bernafas kuat dengan rentak logamnya, dan semuanya sangat berahsia. Air batu ini juga menjanjikan air batu kacang atau ais kacang, dalam mangkuk kecil di kedai-kedai yang tidak jauh dari kilang tersebut. Ais kacang ini sebagai hadiah paling berharga pada waktu cuaca panas, dan semacam ganjaran kepada anak-anak yang berkelakuan baik dan mendengar kata ibu bapanya. Dan juga, untuk dipesan pada hari raya, iaitu sewaktu kami mempunyai wang hasil duit raya yang diberikan oleh ibu bapa, sanak-saudara dan jiran tetangga. Harga ais kacang hanya 10 sen pada tahun-tahun awal 1950-an.

Saya juga akan membeli kuih yang dijual di kaki lima, atau di kedai kopi Pak Hashim atau Haji Said. Kami kenal baik dengan mereka ini, kerana ayah saya juga berniaga dan berteman dengan mereka. Mereka menjadi teman keluarga kami, dan saya pun berbaik-baik juga dengan anak-anak mereka.

Ketika bulan Ramadan, salah satu kesukaan saya ialah menonton keriuhan sebelum waktu berbuka puasa. Walaupun hari biasanya sedikit sepi pada waktu paginya, dan kedai kopi ditutup pada bulan Ramadan, tetapi setelah tengah hari tempunya menjadi lebih rancak. Penduduk di sekitar pekan akan datang membeli keperluan asas mereka - beras, ikan dan telur asin, tepung, bawang dan rempah ratus. Sesekali

sardin, yang menjadi makanan istimewa dalam tin bujur (ikan yang diproses bersama-sama sos tomato). Namun demikian, pada umumnya inilah zaman pra-tin dan botol. Sekiranya ada yang membeli minyak kelapa dan minyak gas (minyak tanah), maka pelanggan harus membawa botol mereka sendiri.

Seterusnya, untuk mencerahkan kegelapan senja dan malam pula, lampu minyak tanahlah yang paling popular dan murah. Namun begitu, bagi mereka yang lebih berada dan memerlukan pencerahan yang lebih terang daripada orang lain, maka lampu karbaidlah yang menjadi pilihan. Cerahnya seperti lampu pendafLOUR (kalimantang), tetapi apinya bernyala terus dan mungkin menyambar misai pak lebai atau tuk penghulu yang menyimpan bulu pada muka mereka. Saya sesekali terlibat juga dengan tugas besar menghidupkan lampu ini. Lampu ini mempunyai dua bahagian, suatu bahagian besar, yang lebih basah dan bulat, diperbuat daripada zink. Di

dalamnya ada satu bahagian yang juga berbentuk bulat, tetapi lebih kecil. Di dalam bahagian inilah dimasukkan ketulan-ketulan karbaid matak dan agak busuk baunya. Bahagian ini ditutupi oleh suatu penutup di atasnya. Air dimasukkan ke ruang di antara bahagian luar dan bahagian dalam. Air inilah yang menyebabkan terciptanya gas, melalui interaksinya dengan karbaid. Gas ini cepat meluru ke muncung panjang lampu itu dan keluar di hujungnya yang akan menghasilkan cahaya lampu apabila dinyalakan api. Biasanya cahaya lampu karbaid akan bertahan selama dua jam. Cukup terang, hanya baunya sedikit keras dan menyesakkan hidung.

Namun demikian, saya lebih suka membantu ayah menghidupkan lampu gasolin, yang lebih canggih dan cantik



## KILANG AIR BATU DI TANJUNG BEREMBANG. APABILA SAYA MENAIKI BAS KE NIBONG TEBAL, MAKA SAYA BOLEH MELIHATNYA, SEBUAH BANGUNAN BERPAGAR TINGGI, BERDENTUM DAN BERNAFAS KUAT DENGAN RENTAK LOGAMNYA, DAN SEMUANYA SANGAT BERAHSIA.

alatannya. Alatan ini semuanya sudah tersedia. Yang diperlukan hanyalah minyak gas dan kemudian kita mengepainya hingga mentol kainnya kembung dan apabila diberikan api, maka mentol itu akan terbakar dan berubah menjadi warna putih dan menyala terang untuk beberapa jam, atau sampai minyaknya habis. Sama seperti lampu karbaid, lampu ini juga tidak mudah proses menghidupkannya, kadang-kadang setelah dua tiga kali mengepainya barulah mentolnya menghasilkan cahaya putih - dengan bunyinya.

Namun begitu, lampu minyak tanah yang lebih sederhana dan termampu dimiliki oleh kebanyakan orang kampung. Berdasarkan lampu tradisional yang biasanya terdiri daripada bahagian yang diperbuat daripada tembaga, lampu ini juga mempunyai dua bahagian; yang pertamanya tangki minyaknya, dan di atasnya lubang sumbunya, yang pada kebiasaannya terbuat daripada tali guni yang lebih mudah untuk dipinjak, daripada kain atau kapas. Bahagian kedua ialah kaki atau tempat metetakkan tangki minyak lampu itu. Inilah ritual setiap petang, yang tidak

selalu menghairahkan, tetapi tiada klimaks lainnya pada hari begini, maka saya memaksa diri menjadi pencerah rumah dan keluarga.

Kebiasaannya, saya sibuk sewaktu hampir waktu berbuka puasa. Saya membawa piring kuih dan juga air sejuk ke pangkón rumah kami. Kami tidak mempunyai meja - (n.b. 'meja' berasal daripada perkataan Portugis - 'mesa'), dan masih bersila atau makan di atas lantai pangkón.

Pernah sekali, pada sekitar pukul 6.00 petang, sejam sebelum waktu berbuka, saya ditugaskan mengangkat minuman sirap, yang menyangkán warna merah yang menggiurkan pada pandangan mata saya - dan kerana tiada yang melihat, maka saya mencubanya walaupun hakikatnya saya sedang berpuasa - ada rasa syurga pada air merah yang ditambah dengan selasih dan buah kembang semangkuk. Saya puas menghabiskan dua gelas dan setelah itu; sampai sekarang saya masih berasa berdosa kerana telah menipu nenek, mak dan ayah. Usia saya pada ketika itu mungkin dalam lingkungan tujuh tahun - iaitu pada ketika usia semula itu sudah timbulnya kata hati yang menghukum.

Setelah itu, saya tidak mengulangnya lagi. Puasa saya menjadi lebih bersih walaupun begitu melaparkán diri sepanjang sehari, tetapi berganjaran pada penghujungnya.

Yang lebih dramatis dan tidak mencapai taraf ibadat ialah apa-apa yang berlaku di masjid selepas kami berbuka puasa. Di lapangan kecil di depan masjid, selalu ada orang menjual kerang nebus, yang dicecah dengan licap masin bersama-sama cili potong. Hidangan ini selalu melekat pada dinding ingatan Ramadan saya. Dengan harga 10 sen boleh membeli sepinggan kerang yang masih berasap. Saya tidak

ingat lagi sekarang, tetapi bapa saudara saya, Ismail, menceritakan bahawa ayah saya pernah juga menjual air halia pada malam hari bulan Ramadan. Ayah saya menjual semuanya - dari ikan kembung lengat, hinggalah ikan pekasam, telur asin, (yang datang dalam sebuah tempayan kecil atau telurnya yang dibalut dengan abu hitam, atau sekam padi. Ini semua menjadi makanan yang terpilih, pengawet tradisional dan boleh disimpan agak lama, pada zaman pra peti ais.

Sementara itu, Tarawih ialah sesuatu yang tidak menarik minat anak kecil. Oleh sebab ayah saya pak haji dan sesekali menjadi imam, maka saya mencuba juga, berdiri di belakang, dengan seorang dua anak-anak jemaah yang lainnya. Ada moreh yang lebih menarik minat, terutama pada malam 27 Ramadan, Mat Dencho, hartawan dan pemilik semua kedai di Sungai Aceh yang menyediakan puncak hidangan pada bulan Ramadan, iaitu nasi minyak berlaukkan daging lembu. Pada waktu itu, kami hanya makan daging lembu empat atau lima kali setahun sahaja - pada hari raya, kenduri kahwin atau hidangan moreh ketika bulan puasa.

Sama menghairahkan ialah bermain tui di atas jalan di hadapan masjid. Riuhnya sampai ke kawasan deretan kedai dan juga orang yang sedang makani moreh di masjid. Yang kena tangkap dalam permainan ini akan ditolak ke dalam parit yang kotor dan berceranggah dengan sampah sarap dan kayu-kayu buangan. Cukup mengerikan. Saya terlalu kecil untuk main begini. Dan, sebagai anak orang kedai, kami belum sempat diajar bermain tui dengan cara yang berbahaya begini. ❏